

## **Tahap kemahiran imam menukarkan kata ganti nama dalam bacaan doa Bahasa Arab**

### **ABSTRAK**

Bahasa Arab mempunyai kedudukan yang penting dalam ibadah. Ayat-ayat al-Quran, bacaan dalam solat dan juga doa-doa dibaca dalam Bahasa Arab. Imam merupakan individu yang akan mengetuai solat seterusnya melakukan pembacaan-pembacaan tersebut yang boleh didengari oleh para makmum. Kajian ini ingin melihat tahap kemahiran para imam menukarkan kata ganti nama ketika membaca doa qunut dan doa pengampunan ibu bapa. Dalam teks bacaan kedua-dua doa ini mengandungi kata ganti nama yang perlu diubah dari kata ganti nama tunggal yang digunakan ketika solat bersendirian kepada kata ganti nama jamak ketika solat berjemaah. 20 responden yang merupakan para pelajar di beberapa institusi pengajian tinggi yang pernah menjadi imam telah diminta untuk membuat rakaman suara bacaan bagi kedua-dua doa tersebut semasa menjadi imam dan telah dihantar kepada pengkaji sejourus setelah mereka diberikan penerangan tentang kutipan data. Analisa kekerapan kesilapan bagi doa qunut melibatkan 7 perkataan dan analisa kekerapan kesilapan bagi doa pengampunan ibu bapa melibatkan 6 perkataan. Kajian ini mendapati bahawa kadar kesilapan yang dilakukan oleh para imam bagi dalam membaca kedua-dua doa qunut dan doa pengampunan ibu bapa adalah pada kadar yang sangat rendah iaitu 9.23%. Walau bagaimanapun, kadar kesilapan bacaan doa qunut adalah jauh lebih tinggi berbanding doa pengampunan ibu bapa. Bagi perkataan yang paling kerap dilakukan kesilapan bacaan pula adalah pada perkataan أتوب iaitu sebanyak 7 kali diikuti dengan perkataan استغفرک sebanyak 6 kali. Ini memberi gambaran bahawa wujudnya kekeliruan penukaran ل yang sepatutnya ditukar kepada ن di bahagian prefiks di mana kedua-duanya adalah versi kata kerja kini.